

**SOALAN NO: 21**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Lisan

**DARIPADA** : Datuk Haji Ahmad Lai Bin Bujang  
[ Sibuti ]

**TARIKH** : 29 November 2017

**SOALAN** : (Datuk Haji Ahmad Lai Bin Bujang)  
minta **MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-  
Adakah terdapat usaha pihak  
Kementerian **memperkenalkan  
Teknologi Digital** kepada petani di  
Malaysia sebagai langkah  
memodenkan pertanian negara serta  
meningkatkan produktiviti.

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (MOA) bersama Jabatan dan Agensi telah memperkenalkan penggunaan teknologi digital sebagai langkah untuk memodenkan sektor pertanian dengan menggalakkan penggunaan aplikasi mudah alih melalui peralatan seperti telefon pintar dan peranti mudah alih yang lain. Aplikasi mudah alih yang digunakan sebagai panduan dan sebagai alat bantuan (*tools*) kepada petani dalam usaha untuk memodenkan pertanian negara dan meningkatkan produktivi petani. Sebagai contoh MARDI telah membangunkan 21 aplikasi mudah alih untuk membantu petani dalam penjagaan tanaman seperti cili, cendawan, madu kelulut dan lain-lain.

Jabatan Pertanian juga telah menampilkan aplikasi '**100 Tip Tanaman**' yang bertujuan untuk mentransformasikan perkhidmatan pengembangan pertanian yang boleh dicapai dengan cepat dan mudah tanpa mengira masa dan tempat. Manakala aplikasi mudah alih **AgriMaths** direkabentuk untuk membantu petani mengenai Asas Pengiraan Pertanian seperti pengiraan biji benih, kepadatan tanaman dan sebagainya.

Selain itu, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sedang dalam usaha untuk memodenkan dan meningkatkan produktiviti pertanian melalui Sistem Data Bersepadu LPP bertujuan untuk memantau dan mengesan operasi aktiviti pengurusan ladang yang dilakukan di tapak projek pengeluaran ladang dari peringkat penanaman sehingga pengeluaran hasil.

Aplikasi yang dibangunkan oleh Jabatan dan Agensi MOA merupakan salah satu medium yang boleh digunakan bukan sahaja untuk tujuan perkongsian maklumat, pemindahan teknologi tetapi juga sebagai medium pemasaran secara digital. Kesemua aplikasi ini boleh dicapai dan boleh dimuat turun secara percuma melalui Android atau IOS.